

**Najib Ajak Rakyat Beri Sokongan Untuk Skuad Piala Thomas Negara  
Bernama  
Mei 23, 2014**

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak seluruh rakyat Malaysia memberi sokongan padu kepada pasukan Piala Thomas negara yang akan menghadapi Indonesia pada separuh akhir di New Delhi, India, Jumaat malam.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada skuad negara kerana berjaya mara ke pusingan separuh akhir.

"Marilah kita berdiri teguh di belakang pasukan Thomas Cup2014 negara. Tahniah atas kejayaan pada suku akhir, teruskan kemaraan Malaysia," kata Perdana Menteri dalam akaun Twitter beliau.

Malaysia menepati sasaran ke separuh akhir Piala Thomas 2014 apabila mengalahkan juara Eropah, Denmark 3-1 pada perlawanan suku akhir, Khamis malam.

Dalam satu lagi saingan separuh akhir, juara bertahan China berdepan dengan Jepun.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040700>